

**'KERANA KECENDERUNGAN PIHAK PENTAFSIR' GUNAKAN
UNDANG2 UNTUK HALANG FUNGSI KERAJAAN'**

Kuasa2 perlu dijelas secara bertulis — PM

KUALA LUMPUR 3 Dis. —
KDatuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kuasa-kuasa kerajaan kini perlu dijelaskan secara bertulis kerana kecenderungan pihak pentafsir menggunakan undang-undang tidak bertulis untuk menghalang fungsi kerajaan.

Perdana Menteri berkata, undang-undang tidak bertulis memberi kuasa yang tidak terhad

Oleh
Khalid Mohd.

kepada pentafsir undang-undang sehingga mereka boleh meniadakan pelaksanaan atau penguatkuasaan apa sahaja undang-undang. Bila diputuskan bahawa siapa sahaja boleh mendakwa kerajaan, maka kerajaan tidak lagi boleh memutuskan apa-apa dengan tepat, ujarnya.

Berucap membentangkan rang undang-undang untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 di Dewan Rakyat petang ini, Perdana

Menteri berkata:
"Setiap keputusan (kerajaan) boleh dicabar dan mungkin ditolak. Dengan ini kerajaan tidak lagi menjadi eksekutif. Pihak lain sudah mengambil alih tugas ini."

Perdana Menteri berkata, adalah sukar bagi kerajaan menerima undang-undang tidak bertulis ini kerana kerajaan tidak mungkin tahu apa yang boleh dibuatnya dan apa yang tidak boleh.

Dalam keadaan kabur ini, ujarnya, pemerintahan menjadi kelim-kabut dan sesiapa sahaja boleh mencabar kerajaan dan menghalang tindakan yang dianggap sah oleh kerajaan.

Mahathir berkata, tidak ada gunanya sesuatu undang-undang yang digubal itu melalui begitu banyak peringkat dan tapisan sebelum dikuatkuasakan jika ada pihak yang mengeneplikannya begitu sahaja.

Tetapi, ujar Datuk Sri Dr. Mahathir, pihak itu berkata bahawa tujuan sesuatu undang-undang dibuat oleh Dewan Rakyat tidak adakena-mengena dengan penguatkuasaan

LIHAT MUKA 6

UM 4 DEC 1987

Kuasa-kuasa perlu dijelas secara bertulis — PM

undang - undang.
Menurut pihak tersebut, kata beliau, mereka tidak perlu sama sekali menimbang sebab - sebab undang - undang digubal. "Kata pakar undang - undang ini, yang perlu ialah pentafsir undang - undang mentakirkan perkataan - perkataan yang terdapat dalam undang - undang," ujarnya.
Bagaimanapun, ujar Perdana Menteri, bila perkataan yang digunakan itu begitu jelas sehingga tidak mungkin disalahtafsir, pentafsir menggantikan undang - undang ini dengan undang - undang tidak bertulis yang begitu umum sehingga boleh ditafsirkan mengikut sesuka hati pentafsir dalam kes - kes tertentu.
"Kadang - kadang tafsiran

yang bertentangan digunakan dalam satu kes, berbanding dengan satu kes yang lain.
"Maka dengan itu pihak kerajaan tidak akan mengetahui sama ada ia bertindak mengikut undang - undang atau tidak. Apa sahaja keputusan kerajaan boleh dicabar oleh sesiapa sahaja dan ditolak dengan sewenang - wengangnya," ujar beliau.
Undang - undang tidak bertulis yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri ialah *English Common Law*, "natural justice," "judicial review" dan sebagainya.
Menurut beliau, "*English Common Law*" berasal dari adat resam dan falsafah orang British dan tidak secocok dengan hukum - hukum adat orang

- orang Melayu atau lain - lain kaum di Malaysia. Di bawah "*English Common Law*" ini, kata beliau semuanya bergantung kepada pengadil yang mengadili sesuatu pertikaian dan lain pengadil mungkin lain pula tafsiran yang dibuat bagi undang - undang yang tidak bertulis ini.
"Natural justice" atau 'keadilan asasi' pula, tegas Perdana Menteri, boleh ditafsir dengan bermacam - macam tafsiran mengikut budibicara pengadil yang terlibat.
Jika "natural justice" ini hendak diikuti betul - betul, kotanya pembunuh hendaklah dihukum mati, tetapi sekarang ini pembunuh pun tidak dihukum mati.
"Judicial Review" pula, ujar Perdana Menteri, memberi kuasa yang tidak terhad kepada pentafsir undang - undang sehingga mereka boleh meniadakan pelaksanaan atau

penguatkuasaan apa sahaja undang - undang.
"Tiada siapa yang boleh meneka apakah hasil review oleh seorang pengadil kerana ia bergantung kepada budibicara orang

berkenaan. Dengan diputuskan bahawa siapa sahaja boleh mendakwa kerajaan, maka kerajaan tidak lagi boleh memutuskan apa-apa dengan tepat."
Perdana Menteri berkata,

undang - undang mesin cetak dan penerbitan ini dipinda kerana kerajaan yang mewakili rakyat berpendapat amatlah bahaya jika pentadbiran negara ditafsirkan mengikut budibicara dua tiga orang sahaja.